

10 JAN 2001

Seychelles-Malaysia/I

SEYCHELLES TAWARKAN NEGARANYA SEBAGAI PINTU MASUK KE AFRIKA SELATAN

PUTRAJAYA, 10 Jan (Bernama) -- Seychelles, sebuah gugusan mengandungi lebih 100 pulau di barat Lautan Hindi, menawarkan negaranya sebagai pintu masuk untuk pelabur-pelabur Malaysia ke Afrika Selatan.

Pesuruhjaya Tinggi Seychelles Louis Sylvestre berkata sebagai anggota Masyarakat Pembangunan Afrika Selatan (SADC), republik itu dapat memberi banyak tawaran kepada syarikat-syarikat Malaysia yang mencari peluang pelaburan di Afrika.

"Sejak lima tahun lepas dan di bawah tonggak ekonomi ketiga kami, kami mempunyai aktiviti-aktiviti bank luar pesisir, insurans luar pesisir dan dana bersama," katanya kepada pemberita di Jabatan Perdana Menteri di sini, hari ini.

Terdahulu, beliau mengiringi Presiden Seychelles France Albert Rene yang mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya.

Rene, yang dalam rangka lawatan kerja ke Singapura, berada di sini untuk lawatan singkat.

Pada masa ini, beberapa syarikat Malaysia telah melabur di sana termasuk Kumpulan Berjaya yang memiliki dua buah hotel dan Promet Bhd yang menyertai projek pembangunan hartanah merangkumi kedai pejabat, kompleks beli belah dan blok pejabat.

Sylvestre berkata satu daripada bidang yang boleh dilabur oleh syarikat-syarikat Malaysia ialah sektor pelancongan yang menyumbang 50 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) republik itu dan 70 peratus daripada pendapatan tukaran asing.

Dari segi perdagangan antara kedua-dua negara, Sylvestre berkata ia lebih menguntungkan Malaysia sekarang kerana Seychelles, dengan hanya 68,000 penduduk, tidak mempunyai banyak barangan eksport ke Malaysia walaupun ia adalah pengeluar utama tuna dalam tin dan produk ikan lain.

Beliau juga berkata bahawa negara itu berminat menghantar para pelajarnya melanjutkan pengajian di Malaysia berikutan adanya kemudahan yang cemerlang dan kos yang murah.

Pada masa ini, enam pelajar tajaan kerajaan Seychelles sedang mengikuti pengajian di Kolej Stamford dan guru-guru juga diambil bertugas dari Malaysia.

-- BERNAMA

AR ZS NAK